



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**PARADIGMA SYAHADAH DALAM MEMELIHARA  
KEHARMONIAN MASYARAKAT MALAYSIA DAN  
PRINSIP RUKUN NEGARA**

*THE SYAHADAH PARADIGM IN PRESERVING THE HARMONY OF  
MALAYSIAN SOCIETY AND THE PRINCIPLES OF THE RUKUN NEGARA*

Azhar Abdul Rahman<sup>1\*</sup>, Syaimak Ismail<sup>2</sup>, Nor Azira Mohd Radzi<sup>3</sup>, Muhammad Saiful Islam Ismail<sup>4</sup>,  
Marina Abu Bakar<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia  
Email: azharabdulrahman@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia  
Email: syaimak@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Academy of Language Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia  
Email: norazira202@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia  
Email: saifulislam@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Malaysia  
Email: marinaab@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 27.01.2025

Revised date: 12.02.2025

Accepted date: 17.03.2025

Published date: 25.03.2025

**To cite this document:**

Abdul Rahman, A., Ismail, S., Radzi, N. A. M., Ismail, M. S. I., & Abu Bakar, M. (2025). Paradigma Syahadah Dalam Memelihara Keharmonian Masyarakat Malaysia Dan Prinsip Rukun Negara. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 255-261.

**Abstrak:**

Fitrah manusia, sentiasa mencari satu kuasa agong yang dapat menyelamatkan rohani dan jasmani dari kesusahan. Setiap agama datang memenuhi fitrah dengan pendekatan berbeza. Paradigma syahadah elemen penting dalam kehidupan muslim. Prinsip Rukun Negara memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai dengan meletakkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai rukun pertama yang perlu dihayati dari perspektif agama masing-masing. Apakah paradigma syahadah dalam kehidupan muslim dan bagaimana ia berperanan dalam memelihara keharmonian masyarakat Malaysia dan prinsip Rukun Negara? Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini melalui analisa literatur dan dokumen yang merangkumi sumber klasik dan moden. Dapatan kajian menunjukkan paradigma syahadah sangat memelihara keharmonian masyarakat Malaysia sekaligus seiring apa yang dihasratkan Rukunegara. Paradigma syahadah dan kefahaman masyarakat terhadap kepentingan beragama perlu dikukuhkan kerajaan dalam mengekalkan keharmonian dan prinsip rukun negara Oleh itu, adalah signifikan pemahaman masyarakat Malaysia terhadap agama yang akan menyumbang pembinaan jatidiri dan negara bangsa dalam acuan Malaysia.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039017

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Keharmonian, Paradigma, Perpaduan, Rukunegara, Syahadah.

**Abstract:**

Human nature inherently seeks a supreme power to deliver the soul and body from hardship. Each religion fulfils this innate need with varying approaches. The syahadah paradigm is a pivotal element in the lives of Muslims. The principles of the Rukun Negara (National Principles) ensure societal harmony and well-being by placing belief in God as the foremost principle to be understood from the perspective of each respective religion. This study investigates the syahadah paradigm within the lives of Muslims and its role in preserving the harmony of Malaysian society and the principles of the Rukun Negara. A qualitative approach was employed in this research by analysing literature and documents, encompassing both classical and modern sources. The findings of this study indicate that the syahadah paradigm significantly contributes to the preservation of harmony within Malaysian society, aligning with the aspirations of the Rukun Negara. The government needs to strengthen the syahadah paradigm and societal understanding of the importance of religion to maintain harmony and uphold the principles of the Rukun Negara. Therefore, the understanding of religion among Malaysians is significant in contributing to the building of identity and a national character shaped by the Malaysian context.

**Keywords:**

Harmony, Paradigm, Unity, Rukun Negara (National Principles), Syahadah

**Pengenalan**

Fitrah manusia, sentiasa mencari satu kuasa agong yang dapat menyelamatkan rohani dan jasmani dari kesusahan. Setiap agama datang memenuhi fitrah ini dengan pendekatan berbeza. Oleh itu, kebiasaan manusia, pasti ada keinginan beragama. Bersyahadah atau mengucap dua kalimah syahadah elemen penting dan tunjang dalam kehidupan beragama seorang muslim. Prinsip Rukun Negara memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai dengan meletakkan kepercayaan kepada Tuhan sebagai rukun pertama yang perlu dihayati dari perspektif agama masing-masing. Justeru, apakah paradigma syahadah dalam kehidupan muslim? Bagaimana paradigma syahadah berperanan dalam memelihara keharmonian masyarakat Malaysia dan prinsip Rukun Negara?

Mengucap dua kalimah syahadah (syahadatain) anak kunci menjadi Muslim dan terkandung di dalamnya penghayatan ajaran agama Islam berkaitan akidah dan syariat. Pengesaan kepada Allah atau mentauhidkan Allah dalam akidah menjadi akar dan keutamaan pada seorang muslim. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Katakanlah (wahai Muhammad): Dialah Allah yang Maha Esa." (Al-Ikhlâs: 112 : 1). Akidah yang benar ialah seorang muslim percaya atau beriman kepada Allah dengan mentauhidkanNya dan percaya kepada nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah. Firman Allah SWT yang bermaksud, "Wahai orang-orang yang beriman! Tetapkanlah iman kamu kepada Allah dan RasulNya" (An-Nisaa' 4:136).

Dengan beriman kepada Allah dan rasulNya, seseorang menjadi muslim dan perlu melaksanakan tuntutan syahadah iaitu mentauhidkan Allah dan mengikuti apa yang di ajar pesuruhNya. Islam mewajibkan penganutnya mempelajari rukun Iman terutama yang paling utama perkara-perkara mengenai Allah dan rasulNya Nabi Muhammad SAW. Antara aplikasi atau tuntutan dua kalimah syahadah (syahadatain) ialah melaksanakan segala suruhan dan menjauhi larangan keduanya.

Manusia adalah makhluk sosial yang memerlukan satu sama lain. Setiap individu berbeza soal agama dan keyakinan, etnik, fizikal, cara fikir, adat dan sebagainya. Justeru, Islam mengajar soal keharmonian bila hidup bersosial bersama sebagaimana difahami firman Allah SWT yang bermaksud, Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu). (Al-Hujurat 49:13).

Muslim disaran supaya sentiasa tolong menolong dalam perkara kebaikan dan taqwa dan melarang keras perkara membawa dosa dan permusuhan. (Al-Maaidah 5:2). Juga menyuruh menghubungkan silaturahim (An-Nisaa' 4:1) dan tidak sombong bangga diri. (An-Nisaa' 4:36). Dalam konteks dasar negara, kajian oleh Shamsul Amri (2008) menyatakan bahawa pelaksanaan dasar pendidikan dan kebudayaan Malaysia sentiasa menitikberatkan aspek ketuhanan dan moral dalam membina masyarakat yang bersatu padu. Abdullah dan Rahman (2019) pula menyatakan bahawa Rukun Negara perlu diperkukuhkan dalam sistem pendidikan bagi memastikan nilai-nilai spiritual tidak terhakis dalam arus kemodenan.

## **Kajian Literatur**

### ***Paradigma Syahadah***

Ada dua perkara penting pasak kepada Muslim iaitu mengetahui rukun iman dan rukun Islam. Intipati kedua-dua rukun ini wajib difahami dan dilaksanakan dalam kehidupan. Rukun Iman terdiri daripada 6 rukun utama iaitu percaya kepada Allah SWT, rasul-rasul utusan Allah, Malaikat, kitab-kitab yang diturunkan, hari akhirat dan qada' dan qadar Allah SWT. Rukun Islam mengandungi lima rukun iaitu mengucapkan dua kalimah syahadah, solat, berpuasa dibulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji bagi yang mampu (Said, 2017)

Apabila seseorang mahu beriman dengan Allah SWT, maka wajib baginya mengucap dua kalimah syahadah dan berusaha sedaya upaya memenuhi dengan baik tuntutan dan keperluan semua rukun Iman dan rukun Islam. Pelaksanaan rukun Islam merupakan salah satu bukti beriman dengan Allah SWT dan rasul secara praktikalnya. Begitu juga memenuhi segala tuntutan rukun iman. Rukun iman bukan sekadar teori tetapi wajib bagi setiap muslim mempelajari sehingga ke akhir hayat. Syarat utama kepada kebenaran iman adalah pembuktian praktikal dengan amal dan perbuatan atau melaksanakan perintah suruhan dan menjauhi larangan Allah SWT. (Al-Qardhawi,1995). Ulama-ulama hadis dan fiqh seperti Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad telah mentakrifkan iman sebagai membenaran dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan seluruh anggota badan. (Mustafa, 2009). Seorang muslim perlu meyakini dan percaya kewujudan Allah SWT. Mengenali Allah SWT menerusi al Quran dan al Hadis dan menghayati penciptaan makhluk-makhluk dan kekuasaanNya seluruh alam. Percaya dan yakin beriman menjadi asas sebagaimana dijelaskan

Rashid Ridza (1990). Beriman dengan Allah SWT dan hari akhirat menjadi asas atau sumber segala kebaikan. Keimanan yang sebenar adalah jalan menuju kebaikan dan kebahagiaan hakiki. Dengan beriman bukan sahaja bererti segala perbuatan manusia itu mendapat ganjaran dari Allah SWT, bahkan iman juga mententeramkan jiwa dan menenangkan hati seseorang itu sebagaimana mafhum surah Ar-Ra'd 13 :28 yang bermaksud iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Syahadah bermaksud penyaksian. Syahadah menjadi intipati utama atau ruh kepada Islam. Ada dua kalimah syahadah yang wajib diimani orang Islam secara menyeluruh dan tidak boleh terpisah antara kedua-duanya. Tidak sah iman sekiranya tidak tercantum kedua-duanya. Menjadi kewajiban setiap orang Islam untuk mendalami dan faham dua kalimah syahadah tersebut dan tuntutananya. Akidah dan keyakinan muslim tidak hanya sekadar ucapan lisan dua kalimah syahadah, mengetahui perkara yang membatalkan syahadah, batas iman, syirik dan kufur. Hakikatnya ia adalah suatu penghayatan keyakinan perasaan dalam rohani. Seseorang dapat merasakan Allah SWT sentiasa mengawasi makhluknya yang membawa kepada pengukuhan akidah dan keimanan manusia. (Musa, 1996). Kalimah syahadah jika diucapkan dengan penuh kesedaran rohani, bakal menghasilkan individu yang memiliki ketakwaan dan amal yang tinggi dan penerimaan amal seseorang di sisi Allah SWT. Ia menjadi landasan kepada cita-cita, misi dan visi dalam perjalanan rohani orang Islam untuk mencapai keredhaan Allah SWT. Dua kalimah ini mewujudkan manusia yang sentiasa memiliki pergantungan hati dan tawakal yang tinggi kepada Allah dan merangsang jiwa serta penentu kepada nilai kehidupannya dari awal hingga akhir hayat (Hawwa, 2001).

Menurut Al-Attas (1995), syahadah merupakan asas epistemologi dalam Islam yang mencorakkan pemikiran dan tindakan manusia. Syahadah menjadi asas pembentukan peribadi, etika sosial dan sistem kehidupan yang menyeluruh. Ia menjadi asas yang membina hubungan dengan Allah SWT dan membentuk akhlak dan etika dalam masyarakat. Syahadah mengajar konsep keadilan sosial dan tanggung jawab terhadap masyarakat (Faruqi, 2006). Jelas di sini, seorang Muslim yang paradigmanya terikat dengan kalimah syahadah, mempunyai jati diri kuat dan selari dengan prinsip Rukun Negara. Manusia beragama yang sentiasa percaya kepada Tuhan secara tidak langsung membangkitkan nilai-nilai kemanusiaan yang tertanam dalam dirinya. Perkara ini dibuktikan dengan kajian oleh Osman (2017) menegaskan bahawa pendidikan agama memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri masyarakat Malaysia. Hirschman (1986) dalam kajiannya mengenai struktur sosial Malaysia menekankan bahawa kepercayaan kepada Tuhan telah menjadi pemangkin kepada perpaduan nasional.

### ***Rukun Negara***

Bermula dengan rusuhan kecil akibat keghairahan meraikan kemenangan pilihanraya pada 13 Mei 1969, ianya cepak merebak. Sebelum menjadi parah, kerajaan bertindak mengisytiharkan dengan mengisytiharkan darurat. Seramai 196 nyawa terkorban dan parlimen digantung pada 16 Mei 1969 dan pentadbiran diambil oleh Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) diketuai YAB Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri. MAGERAN kemudiannya menubuhkan beberapa majlis membuat penyelidikan dan kajian mengesan masalah dan punca berlakunya Peristiwa 13 Mei 1969. Antaranya ialah seperti Sekretariat Hal Ehwal Awam, Jabatan Perpaduan Negara dan Majlis Perundingan Negara Didapati faktor utama penyebab adalah perpaduan dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum. Justeru, melalui Majlis Perundingan Negara dan Jabatan Perpaduan Negara, beberapa dasar telah

dilancarkan. Dasar perpaduan negara dilancarkan menerusi Rukun Negara dan ekonomi menerusi Dasar Ekonomi Baru. (Kementerian Perpaduan Negara, 2023)

Rukun Negara diisytiharkan dengan rasminya oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970. Rukun Negara diperkenalkan sebagai pengikat dan pembina perasaan dan semangat cintakan negara dalam kalangan rakyat. Segala aktiviti dan acara menyambut kemerdekaan pada tahun 1970 diisi dengan persembahan yang berteraskan Rukun Negara. Tema Muhibah dan Perpaduan dijadikan tema Hari Kemerdekaan dan Hari Kemerdekaan dinamakan sebagai Hari Kebangsaan. Sebagai tonggak negara, Rukun Negara mengandungi prinsip-prinsip yang menjadi panduan untuk semua tindakan negara dalam membina satu masyarakat yang bersatu, demokrasi, adil, liberal dan progresif (Kementerian Perpaduan Negara, 2023). Prinsip pertama Rukun Negara, Kepercayaan kepada Tuhan, jelas mengisyaratkan kepada masyarakat pentingnya kehidupan beragama. Rakyat Malaysia perlu sedar tanggungjawab utama mereka bukan sahaja hidup beragama bahkan perlu menghormati nilai-nilai agama yang dianuti masyarakat tanpa mengira latar belakang etnik atau kepercayaan. Prinsip ini sangat signifikan dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara majmuk merangkumi etnik di semenanjung, Sabah dan Sarawak. Wan Daud (2005) menyatakan bersesuaian dengan masyarakat majmuk di Malaysia, setiap warga negara perlu pegangan agama. Dengan adanya pegangan agama, dapat membimbing warganegara Malaysia kehidupan bermasyarakat. Prinsip ini menegaskan nilai spiritual dalam membentuk identiti kebangsaan (Wan Daud, 2005). Agama menjadi teras keharmonian kerana secara umumnya tiada agama mengajar penganutnya mempraktikkan kejahatan. Justeru dalam konteks masyarakat Malaysia berbilang kaum dan agama praktik agama adalah penting dan perlu diutamakan. Kajian menunjukkan masyarakat yang mengamalkan nilai agama boleh mengelakkan konflik antara kaum berikutan mempunyai nilai toleransi yang tinggi hasil ajaran agama. (Salleh & Hassan, 2022).

Hashim (2019) menjelaskan prinsip pertama dalam Rukun Negara, iaitu "Kepercayaan kepada Tuhan," menggambarkan peranan agama sebagai asas kehidupan bernegara. Prinsip ini bukan sekadar simbolik, tetapi merupakan panduan yang mempengaruhi dasar pendidikan, sosial, dan perundangan negara. Jelas di sini, Rukun Negara bukan sekadar slogan atau retorik. Lima Rukun Negara menyuburkan semangat cintakan negara dengan menjadikan agama sebagai tonggak utama. Terdapat dua elemen rohani digariskan iaitu rukun yang pertama dan kelima. Kedua rukun ini saling berkait dan mencerminkan nilai-nilai murni yang ingin diketengahkan. Rukun Negara dijadikan asas utama dalam membentuk identiti kebangsaan. Prinsip pertama dan Rukun Negara, Kepercayaan kepada Tuhan, jelas menunjukkan agama adalah elemen penting dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Prinsip ini bukan sekadar elemen falsafah tetapi merupakan satu dasar penting dalam memastikan kestabilan sosial dan moral rakyat Malaysia (Mohamad, 2020). Dalam pendidikan, Rukun Negara diintegrasikan ke dalam kurikulum bertujuan mendidik generasi muda nilai-nilai perpaduan dan keharmonian dan diajar dalam membina kepekaan dan tanggung jawab sosial dalam diri pelajar (Ignatow, 2011).

Kesimpulannya, Rukun Negara bukti kesungguhan dan harapan pemimpin Malaysia terhadap nilai-nilai spiritual dan moral yang tinggi. Agama tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan rakyat Malaysia demi membina kestabilan dan keharmonian negara. Ia penting dalam memastikan kemajuan negara dapat dibina dengan di atas landasan kukuh sehingga menjadi benteng utama kedaulatan negara. Selain itu, Rukun Negara secara tidak langsung mengiktiraf kehidupan beragama masyarakat pelbagai etnik sekaligus pengakuan perihal kewujudan

kepelbagaian agama di negara ini. Dalam masa yang sama, Islam diakui sebagai agama rasmi dan kebebasan beragama dijamin kepada semua rakyat Malaysia.

### **Objektif Dan Metodologi**

Objektif kajian ialah untuk memahami paradigma syahadah dan hubungkaitnya dengan keharmonian dan Rukun Negara. Dengan memahami paradigma syahadah, membolehkan pembaca melihat hubungkaitnya dengan rukun negara. Oleh itu, objektif seterusnya iaitu menganalisa paradigma syahadah dalam memelihara keharmonian masyarakat Malaysia dan Prinsip Rukun Negara dapat tercapai.

Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini melalui analisa literatur kajian kepustakaan mengenai hakikat dua kalimah syahadah dan prinsip-prinsip asas Rukun Negara. Dokumen yang merangkumi sumber klasik dan moden telah digunakan dalam pengumpulan data dan analisis kandungan dibuat secara deskriptif. Kajian bermanfaat untuk mengukuhkan nilai-nilai agama dan mengaplikasikannya dalam kehidupan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia. Impaknya akan melahirkan masyarakat yang matang, harmoni dan tidak bersikap melampau dan menjunjung tinggi nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan.

### **Penemuan Dan Kesimpulan**

Seseorang Muslim apabila memahami syahadah akan mengorbankan jiwa dan raganya untuk memenuhi tuntutan yang sebaik mungkin. Maka tidak hairanlah paradigma syahadah jika melekat kuat dalam kerangka pemikiran muslim, menyumbang kepada kejayaan apa yang dihasratkan sebaliknya rukun negara kepercayaan kepada Tuhan. Warga Negara Malaysia beragama Melayu pula sudah tentu ditanam sejak dari kecil pengamalan agama sesuai dengan kedudukan Islam sebagai agama Persekutuan. Malaysia adalah sebuah negara yang memuktamadkan Islam ialah agama Persekutuan. Artikel 3(1) menyatakan Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.

Kepercayaan Kepada Tuhan, perlu praktikal dan tidak sekadar teori. Inilah yang wujud dalam paradigma syahadah seorang muslim. Bukan sekadar itu sahaja, agama-agama yang boleh diamalkan dengan aman di Malaysia mengajar pasti mengajar nilai-nilai kemanusiaan sejagat yang dapat membantu kejayaan rukun negara. Apatah lagi dalam konteks seorang muslim. Paradigma syahadah memenuhi kehidupan beragama secara teori dan praktikal sekaligus dapat memelihara keharmonian dan hasrat rukun negara. Pendidikan agama memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri masyarakat Malaysia (Osman, (2017). Al Attas (1995) berpendapat bahawa agama berperanan sebagai elemen pengukuhan moral dalam masyarakat. Selain itu, kajian oleh Osman (2017) menekankan kepentingan pendidikan agama dalam membentuk jati diri masyarakat Malaysia. Wujud hubungkait dan sangat signifikan antara paradigma syahadah dan keharmonian negara dan Rukun Negara. Paradigma syahadah menggariskan prinsip tauhid yang menekankan hubungan manusia dengan Tuhan, dan manusia dengan manusia sebagai asas kepada kesejahteraan individu dan sosial. Nilai ketuhanan membawa kepada pengukuhan etika dalam institusi keluarga, sosial, dan ekonomi (Wan Daud, 2003). Ini selari dengan Kepercayaan kepada Tuhan dalam Rukun Negara. Prinsip ini tidak semata-mata sekadar berkaitan kepercayaan individu malah sebagai prinsip yang membentuk etika masyarakat. Syahadah mengajarkan konsep keadilan sosial dan tanggung jawab terhadap masyarakat, yang selari dengan prinsip Rukun Negara (Faruqi, 2006).

Kesimpulannya, paradigma syahadah dan hubungkaitnya dengan keharmonian dan Rukun Negara sangat selari dan signifikan. Kajian dan penemuan jelas menunjukkan paradigma syahadah dapat memelihara keharmonian masyarakat Malaysia dan Prinsip Rukun Negara. Praktik ajaran agama perlu diperkukuhkan lagi dalam menegakkan prinsip kepercayaan kepada Tuhan dan satu kajian mengenai tahap aplikasi perintah suruhan dan larangan yang asas dalam agama anutan rakyat Malaysia perlu dilakukan.

### **Penghargaan**

Penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM Cawangan Perlis dan Institut Tan Cheng Lock, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) atas peluang mengkaji dan membentangkan kajian dalam Kolokium Akademik UiTM-UTAR 2025.

### **Rujukan**

- Abdullah, A., & Rahman, N. (2019). Pendidikan moral dan agama dalam sistem pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S. M. N. (1993). The Concept of education in Islam. ISTAC
- Al-Attas, S. M. N. (1995). Islam and secularism. ISTAC.
- Al-Qardhawi, Yusuf (1995). Al-Ibadah fi l-aI Islam. Kaherah : Maktabah Wahbah.
- Faruqi, I. R. (2006). Tauhid: Its implications for thought and life. Herndon : IIIT.
- Hashim, R. (2019). Agama dan pembinaan negara bangsa di Malaysia: Perspektif Rukun Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hawwa, Sa`id. (2001). Al-Islam. Kaherah: Dar al-Salam.
- Kementerian Perpaduan Negara (2023) Rukun Negara. Arkib Negara Malaysia : Kuala Lumpur
- Osman, F. (2017). Islamic Education and National Identity Formation in Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 12(2), 67-89.
- Mohamad, M. (2020). Rukun Negara dan pembentukan Negara Bangsa. Kuala Lumpur: UKM Press.
- Musa, F. H. (1996). Pengantar tasawuf Islam. Sg. Buluh : Syarikat Meza.
- Mustafa, A. R. (2009). Hadis empat puluh. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar
- Rashid, R. M. (1990). Tafsir al-Quran al-Hakim (Tafsir al-Manar). Cairo : Dar al-Fikr.
- Said, I. (2017). Akidah ahli sunnah wal jamaah. Kuala Lumpur : Darul Makrifah
- Salleh, M., & Hassan, R. (2022). Kepercayaan kepada Tuhan dan sikap toleransi antara kaum di Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science*, 14(1), 78-95
- Wan Daud, W. M. N. (2003). Pendidikan dan Peradaban Islam. ISTAC.
- Wan Daud, W. M. N. (2005). Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed Naquib al-Attas: Suatu Kajian Pemikiran Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Yusuf, M. (2015). The Role of Two Kalimah Shahadah in Islamic Society. *Journal of Islamic Ethics*, 6(2), 45-72.